

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 2.12.2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah usaha untuk menambah bilangan lampu jalan kampung di setiap kampung dan desa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah dimulakan sejak tahun 2002, dan sehingga projek tahun 2018, sebanyak 464,139 unit telah dipasang di seluruh Malaysia.

Bagi pelaksanaan Program Pemasangan LJK Tahun 2019/2020 pula, KPLB telah diberi peruntukan sebanyak RM50 juta, untuk sasaran pemasangan baru sebanyak 35,000 unit LJK lagi.

Di samping itu juga, usaha KPLB untuk menambah bilangan pemasangan LJK ini diteruskan lagi dengan tambahan sebanyak 25,000 unit LJK jenis *light emitting diode* (LED), dari dana *Incentive-Based Regulations* (IBR). LJK tambahan ini merupakan inisiatif KPLB untuk menambah LJK di setiap kampung dan desa, dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC), dan akan dipasang bersekali dengan LJK daripada Program Pemasangan LJK Tahun 2019/2020.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan LJK yang akan dipasang bagi tempoh 2019/2020 adalah sebanyak 60,000 unit, dengan pecahan 26,000 unit LJK jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 34,000 unit LJK jenis LED, dan jumlah ini akan diagihkan mengikut Parlimen untuk pemasangan segera.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan program LJK adalah untuk menceriakan kawasan liputan supaya kegiatan ekonomi, sosial dan riadah dapat dijalankan pada waktu malam dengan selesa dan selamat. Pelaksanaan program LJK adalah secara berperingkat-peringkat dan kos operasi serta penyenggaraan akan ditanggung oleh Kerajaan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.